

# KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2025



**ZALIHA** melawat tapak pertanian bandar sempena Majlis Perasmian Hari Terbuka Pertanian Bandar Dan Kelulut Putrajaya 2025 di Taman Botani Putrajaya.

**SYUQQREE DAIN**  
Foto: JABATAN KHIDMAT PRODUKSI

**S**AMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2025 yang disambut pada tanggal 1 Februari setiap tahun berlangsung penuh warna-warni dengan pelbagai pengisian menarik dianjurkan. Bertemakan 'Wilayah Persekutuan Kita', program yang dirancang oleh Jabatan Wilayah Persekutuan serta agensi berkaitan bertujuan mendekatkan rakyat dengan pelbagai aspek kehidupan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Antara acara utama yang mencuri tumpuan adalah Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya 2025 yang diserikan dengan kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa. Acara yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya ini memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat lebih dekat industri pertanian bandar yang semakin berkembang pesat.

Bagi pemancing tegar, Cabaran Joran Kuala Lumpur 2025 anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) turut diadakan. Acara memancing yang berlangsung di Taman Tasik Danau Kota ini menyaksikan penyertaan peserta yang berlumba-lumba untuk merangkul gelaran juara bagi membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000.

Larian Hari Wilayah Persekutuan 2025 yang diadakan di Jambatan Putra, Putrajaya juga menjadi aktiviti yang dinanti-nantikan oleh para penggemar sukan. Di samping itu, acara Kuala Lumpur Car Free Morning Edisi SHWP 2025 turut memberi ruang kepada orang ramai untuk menikmati keindahan kota tanpa kenderaan sambil melakukan aktiviti riadah bersama keluarga.

Tidak ketinggalan, Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Labuan menjadi acara simbolik

yang menandakan semangat kebersamaan dan kecintaan terhadap Wilayah Persekutuan.

SHWP 2025 memperlihatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat sambil memperkenalkan pelbagai program yang memberi manfaat kepada rakyat.



**SERAMAI 8,100** peserta menyertai Larian Hari Wilayah Persekutuan 2025 di Jambatan Putra pada 1 Februari lalu.



**DATUK** Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif meluangkan masa beramah mesra bersama para peserta Cabaran Joran Kuala Lumpur.



**WARGA** Labuan turut serta pada Program Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Labuan.



**ORANG** ramai tidak melepaskan peluang menyertai acara KL Car Free Morning Edisi SHWP 2025.